



PANDUAN MENDAFTAR PEMILIK JENTERA INSENTIF PEMBAJAKAN KEPADA PESAWAH KERAJAAN PERSEKUTUAN

1.0 PENDAHULUAN

Di antara tugas dan peranan Pesawah, PPK dan Pemilik Jentera yang berkaitan yang terdapat dalam Manual Pelaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah adalah seperti berikut:

A. Pesawah

- i. Pesawah mestilah mendapatkan khidmat pembajakan dari Pemilik Jentera yang berdaftar dengan LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak.
- ii. Mengesahkan perkhidmatan yang telah dilakukan oleh Pemilik Jentera bagi membolehkan Pemilik Jentera membuat tuntutan pada **Bahagian D**- Dokumen IPKP-3.
- iii. Membuat pembayaran (selepas ditolak bantuan skim insentif) kepada Pemilik Jentera.

B. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan memainkan peranan sebagai agen pelaksana dan penyelaras. Tugas-tugas yang akan dimainkan oleh PPK adalah:-

- i. PPK sebagai wakil LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak mengedar borang (IPKP2) dan mengumpul permohonan mendaftar semua Pemilik Jentera yang memberi perkhidmatan dalam kawasan pengendalian.

- ii. Mengumpul dan mengemukakan senarai tuntutan bayaran oleh Pemilik Jentera dan dikemukakan kepada LPP Negeri/ KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak

C. Pemilik-Pemilik Traktor

Pemilik traktor adalah pihak yang akan menjalankan kerja-kerja pembajakan yang telah dipilih oleh pesawah. Pemilik Jentera boleh terdiri dari pihak-pihak seperti berikut:-

- i. PPN Jentera
- ii. PPK yang mempunyai traktor sendiri
- iii. Syarikat atau pihak swasta
- iv. Peladang/pesawah yang memiliki traktor
- v. Jabatan/Agenzi yang mempunyai traktor yang memberi perkhidmatan

Di antara tugas-tugas pemilik-Pemilik Jentera adalah seperti berikut:-

- i. Mendaftar jentera yang dimiliki yang akan memberi perkhidmatan dengan PPK dalam lingkungan kawasan perkhidmatannya menggunakan **Borang IPKP-2**.
- ii. Membajak sawah pesawah yang memerlukan perkhidmatan mereka.
- iii. Membuat tuntutan upah melalui skim ini melalui PPK pada kadar RM100/hektar.
- iv. Membuat tuntutan baki bayaran upah pembajakan (setelah ditolak dari bantuan) dari pesawah-pesawah secara langsung

2.0 KAEADAH MENDAFTAR PEMILIK JENTERA

Pendaftaran semula Pemilik Jentera bagi setiap PPK sebagai wakil LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak akan dijalankan.

- i. Makluman Manual Perlaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah akan di buat oleh Ibu Pejabat LPP ke LPP Negeri, LPP negeri ke PPK negri masing-masing dan PPK ke semua Pemilik Jentera dan pesawah melalui saluran formal yang ada seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat AJP, Mesyuarat Unit dan sebagainya
- ii. Kenyataan akhbar perlaksanaan Insentif Pengeluaran Padi dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.
- iii. Borang-borang pendaftaran Pemilik Jentera (IPKP-2) akan disediakan oleh LPP Negeri atau PPK. Ianya diedarkan ke Pemilik Jentera melalui pejabat PPK atau Ketua-ketua Unit.
- iv. Borang-borang pendaftaran Pemilik Jentera akan diisi oleh PPN Jentera /individu/Syarikat/Pemberi Perkhidmatan Traktor (Empat (4) Roda dan Dua (2) Roda) dengan bantuan anggota LPP yang berkhidmat di PPK atau Ketua Kampung atau Ketua Unit/Ketua Blok.
- v. Bagi PPN Jentera /Individu/Syarikat yang memberi perkhidmatan traktor empat (4) roda, maklumat yang perlu diisi adalah seperti berikut :

Bahagian A : Maklumat Pemilik Jentera beserta alamat perhubungan dan no. akaun bank hendaklah diisi dengan betul bagi memudahkan bayaran tuntutan dibuat nanti.

Bahagian B: Menyatakan senarai jentera-jentera yang dimiliki oleh Pemilik Jentera dan menyatakan secara ringkas jentera traktor ditempatkan selalunya samada

depo/bengkel/` parking'/rumah dengan menyatakan nama kawasannya samada Kg, Unit Peladang, PPK dan sebagainya. (Penyataan pemilikan jentera hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti salinan geran, resit pembelian, surat sokongan dari Jabatan/Agensi Kerajaan dan sebagainya.)

Bagi Traktor 2-Roda yang dimiliki oleh individu peladang sendiri yang menjalankan kerja-kerja pembajakan sawah yang berhasrat menuntut insentif dan tiada mempunyai dokumen sokongan pengesahan dari Ketua Unit Peladang / JKKK adalah diperlukan.

Bahagian C : Pemilik Jentera juga perlu mengisi secara ringkas kemampuan jentera yang dimiliki membajak dalam sehari.

Bahagian D : Setelah Pemilik Jentera membuat perakuan, Pemilik Jentera hendaklah menurunkan nama dan tandatangan. Manakala Syarikat / PPN Jentera / Jabatan & Agensi Kerajaan perlu menurunkan cop masing-masing.

- vi. Borang yang telah diisi akan dikembalikan kepada wakil LPP (Pegawai di PPK) untuk di proses dan dimasukkan maklumat ke dalam komputer serta dibuat analisis. Borang yang kesahihannya diragui akan dibuat pemeriksaan balas oleh pihak PPK. Bagi Pemilik Jentera yang telah disahkan keratan bawah borang dipenuhi beserta dengan No. pendaftaran seperti berikut :

LPP /	J /	Kod Negeri /	Kod PPK /	0000
Standard	Standard	Mengikut no. daftar kenderaan JPJ. Eg. A – Perak, B - Selangor, C - Pahang, D - Kelantan, J - Johor, K - Kedah, T - Terengganu, N - Ng sembilan dan M - Melaka	Mengikut kod di fail PPK masing-masing. Eg. TT- PPK Titi Tinggi, B - Bintong, P.s - Padang Siding dan sebagainya.	No. Siri berturutan 4- digit bermula dengan 0001

- vii. Keratan Bawah borang diserahkan semula kepada Pemilik Jentera berkenaan untuk rujukan dimasa hadapan dan akan dikemukakan semula ke PPK apabila Kad Pengesahan Pendaftaran disediakan.
- viii. Wakil LPP (PPK) mempunyai kuasa untuk membuat lawatan pemeriksaan kemana-mana kawasan atau unit untuk pengesahan.
- ix. Satu Senarai Pendaftaran Pemilik Jentera (IPKP- 2A- dilampirkan) bagi Pemilik Jentera yang layak memberi perkhidmatan dan menuntut bayaran insentif pembajakan akan dikeluarkan oleh LPP Negeri mengikut PPK. Senarai ini akan dibekalkan kepada Ketua-ketua unit untuk semakan ahli-ahli atau pesawah di unit berkenaan. Pihak PPK akan membuat lawatan pemeriksaan terhadap bantahan sekiranya ada untuk membuat keputusan muktamad.
- x. Kad Pengesahan Pemilik Jentera akan dikeluarkan kepada setiap petani yang layak. Kad ini akan dibawa setiap kali Pemilik Jentera datang membuat urusan di PPK.

Disediakan oleh;
Bahagian Industri Asas Tani
Lembaga Pertubuhan Peladang
Januari 2007